



## **TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN PERIBADI AWAM-i**

Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Kemudahan dan akan mengikat Pelanggan sebaik sahaja Kemudahan diluluskan oleh Pembiaya.

Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan sebarang penambahan atau pindaan yang mungkin dibuat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

### **BAHAGIAN A: TERMA & SYARAT STANDARD**

#### **1. KAEDAH PEMBIAYAAN**

Di bawah transaksi Tawarruq, Pelanggan boleh menggunakan Kemudahan setelah penyempurnaan transaksi-transaksi berikut:

- (a) Setelah menerima Surat Kemudahan, Pelanggan hendaklah meminta Pembiaya untuk membeli komoditi pendasar patuh Shariah dan diterima oleh Pembiaya (“Komoditi”), daripada mana-mana pedagang komoditi yang diterima oleh Pembiaya dan Pelanggan akan berakujanji untuk membeli Komoditi tersebut daripada Pembiaya.
- (b) Berdasarkan permintaan Pelanggan, Pembiaya kemudian akan membeli Komoditi daripada pedagang komoditi pada Kos Komoditi yang bersamaan dengan Amaun Kemudahan.
- (c) Pedagang komoditi akan menghantar dan memindahkan pemilikan benefisial Komoditi kepada Pembiaya dengan dibuktikan oleh sijil yang berkaitan.
- (d) Pelanggan boleh memilih untuk: -
  - (i) menerima penghantaran komoditi, atau menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga mengikut kehendak Pelanggan, dengan semua kos yang berkaitan ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan dengan ini melepaskan Pembiaya daripada semua tanggungjawab dan berakujanji untuk menanggung rugi Pembiaya terhadap sebarang tindakan undang-undang termasuk menanggung semua kos dan perbelanjaan atau ganti rugi yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pembiaya akibat daripada pilihan Pelanggan tersebut; ATAU
  - (ii) mengamanahkan komoditi kepada Pembiaya dan memberi kuasa kepada Pembiaya sebagai wakil/ejen Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga yang dipilih oleh Pembiaya dan dengan cara itu, akan mengkreditkan hasil jualan komoditi (Amaun Kemudahan) ke dalam akaun Pelanggan.
- (e) Jika Pelanggan telah memilih Klausula 1 (d) (ii) di atas, Pelanggan akan melantik Pembiaya sebagai ejennya yang terhad untuk memuktamadkan pembelian Komoditi daripada Pembiaya dengan melaksanakan bagi pihak Pelanggan Kontrak Jualan Murabahah dan menjual Komoditi kepada pedagang komoditi pihak ketiga.

- (f) Pembiaya kemudian akan menjual dan Pelanggan (melalui ejennya) akan membeli Komoditi dengan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah pada Harga Jualan Murabahah (“**Transaksi Belian**”) secara bayaran tertangguh tertakluk kepada terma dan syarat Surat Kemudahan ini.
- (g) Setelah memuktamadkan Transaksi Belian, Pembiaya yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual Komoditi kepada pedagang komoditi pihak ketiga pada Kos Komoditi (“**Transaksi Jualan**”). **Transaksi Belian** dan **Transaksi Jualan** secara kolektif dirujuk sebagai “**Transaksi Tawarruq**”.
- (h) Hasil daripada penjualan Komoditi hendaklah dibayar kepada Pelanggan melalui pemindahan terus ke dalam akaun Pelanggan atau mengikut mana-mana kaedah pembayaran lain yang dipersetujui antara Pelanggan dan Pembiaya dan jumlah yang dibayar kepada Pelanggan tersebut akan dianggap sebagai sebahagian daripada Kemudahan yang disediakan di bawah ini

## 2. PERMINTAAN BELIAN DAN AKUJANJI

- (a) Pelanggan dengan ini meminta untuk membeli Komoditi daripada Pembiaya pada Harga Jualan Murabahah yang dibayar mengikut terma-terma Kemudahan.
- (b) Pelanggan berjanji dan secara tidak boleh batal berakujanji untuk membeli Komoditi daripada Pembiaya pada Harga Jualan Murabahah dan untuk melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah.
- (c) Pelanggan mengesahkan bahawa akujanji ini adalah tidak boleh batal (kecuali dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pembiaya) dan mengikat hartanya, waris, pengganti hak milik, penerima serah hak yang dibenarkan dan wakil-wakil peribadi.
- (d) Pelanggan berakujanji untuk menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Pembiaya dilindungi daripada atau terhadap sebarang perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada sebarang kecacatan, kerosakan dan/atau kekurangan kualiti dagang bagi Komoditi tersebut atau kekurangan kesesuaian untuk penggunaan Komoditi tersebut atau apa-apa jua berkaitan dengan permintaan belian termasuk menanggung rugi Pembiaya terhadap sebarang kerugian dalam apa jua cara yang mungkin dialami oleh Pembiaya akibat daripada persetujuan Pembiaya untuk mengambil bahagian dalam pembelian atau penjualan Komoditi melainkan disebabkan oleh salah laku secara sengaja atau kecuaian yang melampau oleh Pembiaya.

## 3. PELANTIKAN AGENSI (WAKALAH)

- (a) Ejen untuk Membeli: Pelanggan dengan ini secara tidak boleh batal dan tanpa syarat melantik Pembiaya sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada Pembiaya, setelah Pembiaya membeli Komoditi tersebut daripada pedagang komoditi.
- (b) Ejen untuk Menjual: Pelanggan dengan ini secara tidak boleh batal dan tanpa syarat melantik Pembiaya sebagai ejennya untuk menjual Komoditi selepas penyempurnaan Kontrak Jualan Murabahah kepada mana-mana pedagang komoditi pihak ketiga sepetimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya dan untuk menerima hasil daripada penjualan Komoditi tersebut bagi pihaknya.

- (c) Pembiaya, ketika bertindak sebagai ejen Pelanggan, hendaklah diberi kuasa untuk: -
- (i) menandatangani dan melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua tindakan serta mematuhi dan melaksanakan semua obligasi yang diperlukan berkaitan dengan pelantikan sebagai ejen, atau yang dikenakan di bawah mana-mana perjanjian jualan Komoditi mengikut Klausus 3 (a) dan (b) di atas, daripada dan/atau kepada mana-mana pedagang komoditi; dan
  - (ii) mendelegasikan hak dan tugasnya sebagai ejen di sini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan bagi penyempurnaan transaksi yang diperlukan; dan
  - (iii) melakukan semua tugas pentadbiran berkaitan dengan pegangan, pembelian dan penjualan Komoditi tersebut.
- (d) Pelanggan hendaklah terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dimeterai oleh Pembiaya dengan pedagang komoditi pihak ketiga tersebut bagi tujuan penjualan Komoditi bagi pihaknya.
- (e) Pelanggan dengan ini berakujanji untuk menanggung rugi Pembiaya daripada semua kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pembiaya akibat daripada melaksanakan fungsi-fungsi ejen Pembiaya seperti yang dinyatakan di atas.
- (f) Pelantikan Pembiaya sebagai ejen di bawah Klausus 3 ini akan secara automatik ditamatkan apabila Kemudahan ditamatkan atau dibatalkan.

#### 4. TERMA DAN SYARAT TRANSAKSI TAWARRUQ

- (a) Transaksi Tawarruq hendaklah ditadbir oleh Surat Kemudahan, Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan Kontrak Jualan Murabahah.
- (b) Pelanggan hendaklah memperolehi hak milik terhadap Komoditi sebagaimana yang diterima oleh Pembiaya daripada pedagang komoditi tetapi bebas daripada bebanan. Pembiaya tidak akan dianggap memberikan sebarang waranti atau representasi (secara nyata atau tersirat) apa pun, sama ada yang timbul daripada undang-undang, statut atau sebaliknya dan, tanpa menjaskan secara umum apa yang telah dinyatakan di atas, sebarang waranti atau representasi oleh Pembiaya dengan ini secara nyata dikecualikan setakat yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai.
- (c) Pelanggan (melalui Pembiaya sebagai ejennya untuk membeli) bersetuju bahawa dengan membeli Komoditi daripada Pembiaya, Pelanggan akan menerima Komoditi tersebut berdasarkan keadaan 'sebagaimana sedia ada', dan tidak akan mempunyai sebarang remedii terhadap Pembiaya berkenaan dengan kualiti, keadaan, kuantiti, keterangan, hak milik atau sebaliknya. Semua risiko terhadap Komoditi akan berpindah kepada Pelanggan serta-merta sebaik sahaja Transaksi Belian dimeterai, iaitu pada masa Kontrak Jualan Murabahah ditandatangani.

Pelanggan dengan ini mengetepikan sebarang tuntutan yang mungkin dimilikinya terhadap Pembiaya berkenaan dengan sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialaminya disebabkan oleh, atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan Dokumen Transaksi atau sebaliknya (walau bagaimanapun timbulnya) yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada sebarang Transaksi Tawarruq.

##### **5. BAYARAN HARGA JUALAN MURABAHAH**

- (a) Bayaran Harga Jualan Murabahah hendaklah dibuat oleh Pelanggan melalui potongan gaji secara bulanan atau apa-apa kaedah lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya.
- (b) Semua bayaran hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dalam dana yang tersedia secara serta-merta tidak lewat dari jam 11.00 pagi pada hari berkaitan ke akaun Pembiaya seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan.
- (c) Sebarang bayaran yang perlu dibuat pada hari yang bukan hari bekerja hendaklah dibuat pada hari bekerja berikutnya atau, jika hari bekerja tersebut jatuh pada bulan berikutnya, pada hari bekerja sebelumnya.
- (d) Jika Pelanggan bertukar atau berhenti dari pekerjaannya, bayaran Harga Jualan Murabahah hendaklah dibuat oleh Pelanggan melalui:-
  - (i) pengaturan potongan gaji baru dengan majikan baru Pelanggan secara langsung atau melalui mana-mana kaedah lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya; atau
  - (ii) *Financial Process Exchange (FPX), Interbank GIRO (IBG)*, di kaunter Cawangan Koperasi Tentera atau apa-apa kaedah lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya.

#### **BAHAGIAN B: TERMA DAN SYARAT UMUM**

##### **1. SYARAT PENGELUARAN**

Penggunaan Kemudahan, yang akan dibuat pada hari bekerja, adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

- (a) Syarat-syarat Terdahulu bagi Kemudahan telah dipenuhi oleh Pelanggan dan memenuhi kehendak Pembiaya.
- (b) Pengeluaran hendaklah dibuat melalui pembayaran sekaligus; dan
- (c) Kaedah pengeluaran akan dibuat melalui pemindahan ke dalam akaun bank Pelanggan (diberi keutamaan kepada akaun Islamik – jika ada) seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam borang permohonan.

- 2. SYARAT-SYARAT TERDAHULU**
  - (a) Surat Kemudahan telah diterima dengan sewajarnya oleh Pelanggan;
  - (b) Penerimaan salinan nota atau polisi/sijil perlindungan takaful yang berkaitan yang disahkan benar seperti yang dikehendaki oleh Pembiaya di bawah Kemudahan dengan hak dan kepentingan Pembiaya sebagai benefisiari diendors di dalamnya;
  - (c) Penerimaan pengesahan dan verifikasi daripada majikan atau pihak yang berkaitan bagi Pembiaya untuk meneruskan potongan gaji;
  - (d) Semua syarat atau dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan atau dikehendaki oleh Pembiaya telah dipenuhi atau disempurnakan dan tiada Kejadian Keingkaran telah berlaku.

- 3. PENYELESAIAN AWAL**

- (a) Pelanggan boleh membuat penyelesaian awal keseluruhan Harga Jualan Murabahah kepada Pembiaya, dengan syarat satu (1) bulan notis bertulis (Notis Penyelesaian Awal) hendaklah diberikan terlebih dahulu kepada Pembiaya).
  - (b) Setiap Notis Penyelesaian Awal yang diberikan tidak boleh ditarik balik.

DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa Pembiaya berhak untuk mengenakan kos dan perbelanjaan sampingan sebenar yang ditanggung oleh Pembiaya disebabkan oleh penyelesaian awal yang dibuat oleh Pelanggan mengikut polisi dan prosedur semasa Pembiaya yang selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan prinsip Shariah.

- 4. IBRA' (REBAT)**

Tertakluk kepada prinsip Shariah:

- (a) Pembiaya hendaklah memberikan Ibra' sekiranya berlaku penyelesaian awal Kemudahan oleh Pelanggan.
  - (b) Pembiaya hendaklah memberikan Ibra' ke atas keuntungan bagi Amaun Kemudahan yang tidak digunakan.
  - (c) Pembiaya hendaklah memberikan Ibra' sekiranya terdapat perbezaan antara Harga Jualan Murabahah dan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar (mengikut mana-mana yang berkenaan).
  - (d) Sebarang Ibra' yang diberikan oleh Pembiaya hendaklah dianggap sebagai muktamad dan konklusif. Pelanggan mestilah bersetuju terhadap ketepatan Ibra' yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian.
  - (e) Ibra' hendaklah dikira seperti berikut:-  
Ibra' semasa penyelesaian = Keuntungan tertangguh - Caj Penyelesaian Awal  
Jumlah penyelesaian = Harga jualan tertunggak + ansuran yang tertunggak + caj bayaran lewat (jika ada) - Ibra'

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa rebat yang dinyatakan di sini tidak boleh ditafsirkan dalam apa jua cara sekalipun sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi akan dipaparkan sebagai pengurangan elemen keuntungan dalam Harga Jualan Murabahah.

##### 5. **TA`WIDH (CAJ BAYARAN LEWAT)**

Tanpa menjelaskan apa-apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-I ini, Pelanggan dengan ini bersetuju, berjanji dan berakujanji untuk membayar pampasan kepada Pembiaya ke atas ansuran tertunggak dan bayaran Harga Jualan Murabahah pada tarikh matang Kemudahan seperti berikut:

- (a) bagi kegagalan untuk membayar mana-mana ansuran Kemudahan dari tarikh penggunaan pertama sehingga tarikh matang atau jika kegagalan tersebut berlanjutan melebihi tarikh matang, kadar pampasan hendaklah tidak melebihi satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah yang tertunggak atau apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan kerugian sebenar;
- (b) Pampasan hendaklah dikira seperti berikut:-

Bayaran lewat semasa tempoh pembiayaan atau selepas tarikh matang:-

$$\text{Jumlah ansuran tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari bayaran lewat}}{365/366 \text{ (tahun lompat)}}$$

- (c) Jumlah pampasan tersebut tidak boleh dikompaun ke atas jumlah ansuran atau prinsipal tertunggak.

##### 6. **WAAD**

Pelanggan dengan ini bersetuju dan berakujanji seperti berikut:

- (a) Untuk membayar, menyelesaikan atau sebaliknya melangsankannya tepat pada masanya atau sebelum tempoh matang atau sebelum ianya menjadi tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran bulanan Harga Jualan Murabahah, dan semua keterutangannya dan obligasi lain dalam apa jua bentuk sekalipun;
- (b) Untuk secara serentak melaksanakan dan menjalankan mana-mana dan semua obligasinya di bawah Kemudahan;
- (c) Untuk memberikan atau membantu untuk memberikan kepada Pembiaya semua maklumat sebagaimana yang sewajarnya dikehendaki oleh Pembiaya;
- (d) Untuk mengambil semua langkah yang diperlukan untuk memastikan bahawa tidak ada kesan buruk yang material terhadap kedudukan kewangannya;
- (e) Untuk memberitahu Pembiaya dengan segera sekiranya Pelanggan meletakkan jawatan, menukar, berhenti atau telah diberhentikan daripada pekerjaannya atau berlakunya sebarang pkejadian yang mungkin mempengaruhi keupayaan Pelanggan

untuk melaksanakan obligasinya di bawah Kemudahan atau pemotongan gaji bulanan. Pembiaya berhak untuk menetapkan pengaturan pemotongan gaji baru dengan majikan baru Pelanggan secara langsung atau melalui kaedah lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya;

- (f) Untuk memberitahu Pembiaya dengan segera mengenai sebarang kejadian yang material atau perubahan buruk dalam keadaan (kewangan atau sebaliknya) Pelanggan dan mengenai sebarang prosiding litigasi atau prosiding lain dalam apa jua bentuk sekalipun yang diancam atau dimulakan terhadap Pelanggan. Semua pemberitahuan bertulis sedemikian hendaklah diberikan kepada Pembiaya tidak lewat dari empat belas (14) hari selepas Pelanggan mempunyai pengetahuan mengenai perubahan atau prosiding litigasi atau prosiding lain atau ancaman tersebut dan jumlah bagi sebarang liabiliti kontingen jika jumlah tersebut dapat dipastikan;
- (g) Untuk mengekalkan atau menyebabkan untuk dikenakan sijil takaful yang sah, sehingga tempoh matang Kemudahan tersebut. Pembiaya hendaklah dinamakan sebagai beneficiari / pihak yang dilindungi dalam sijil takaful. Segala kos hendaklah ditanggung oleh Pelanggan;
- (h) Untuk memberitahu Pembiaya tentang berlakunya mana-mana Kejadian Keingkaran atau mana-mana kejadian lain yang diketahui oleh Pelanggan yang mungkin menjelaskan keupayaan Pelanggan sepenuhnya untuk melaksanakan obligasinya di bawah Kemudahan ini;
- (i) Kemudahan ini hendaklah digunakan untuk aktiviti yang patuh Shariah sahaja; dan
- (j) Untuk memastikan pendapatannya tidak berasal daripada dan/atau melibatkan sebarang elemen yang melanggar prinsip-prinsip Shariah.

## 7. REPRESENTASI DAN WARANTI

Pelanggan memberi representasi dan waranti kepada Pembiaya seperti berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada):

- (a) Pelanggan mempunyai hak, autoriti, kuasa dan kapasiti undang-undang sepenuhnya untuk menerima Kemudahan dan melaksanakan terma-terma dalam Dokumen Transaksi;
- (b) Terma-terma Dokumen Transaksi membentuk obligasi yang sah di sisi undang-undang dan mengikat, yang boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan;
- (c) Penerimaan Kemudahan oleh Pelanggan dan pelaksanaan terma-terma di sini tidak akan melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau perintah mana-mana pihak berkuasa kerajaan, agensi atau mahkamah yang mana Pelanggan tertakluk kepadanya;
- (d) Pelanggan tidak memungkiri apa-apa perjanjian yang mana Pelanggan adalah pihak atau yang mana Pelanggan mungkin terikat kepadanya;

- (e) Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Pembiaya berkaitan dengan Kemudahan adalah benar dan tepat dan tiada peninggalan yang akan menjadikan maklumat tersebut tidak tepat atau mengelirukan;
- (f) Tiada prosiding kebankrapan yang sedang berjalan atau diancamkan terhadap Pelanggan;
- (g) Tiada prosiding atau tuntutan litigasi, arbitrasi, pentadbiran, yang mungkin secara material dan buruk mempengaruhi keupayaannya untuk mematuhi atau melaksanakan obligasinya di bawah Kemudahan, yang sedang berjalan atau diancam terhadap Pelanggan;
- (h) Tiada siasatan oleh mana-mana agensi kerajaan, badan atau pihak berkuasa kawal selia lain sedang berjalan atau akan dimulakan terhadap Pelanggan;
- (i) Semua tindakan, syarat dan perkara yang perlu dilakukan, dipenuhi dan dilaksanakan
  - (i) untuk membolehkan Pelanggan secara sah memasuki, melaksanakan hak-haknya di bawah dan memenuhi obligasi yang dinyatakan akan dipikul olehnya dalam Dokumen Transaksi yang mana ia merupakan pihak kepadanya, (ii) untuk memastikan bahawa obligasi yang dinyatakan akan dipikul oleh Pelanggan dalam Dokumen Transaksi yang mana Pelanggan merupakan pihak kepadanya adalah sah di sisi undang-undangan mengikat, dan (iii) untuk menjadikan Dokumen Transaksi yang mana Pelanggan merupakan pihak kepadanya boleh diterima sebagai bukti di dalam bidang kuasa dimana ia ditubuhkan, dalam setiap kes, telah dilakukan, dipenuhi dan dilaksanakan;"

Pada tarikh pengeluaran Kemudahan, Pelanggan hendaklah dianggap untuk memberi representasi dan waranti kepada Pembiaya bahawa representasi dan waranti yang terkandung di sini adalah benar dan tepat dalam semua aspek seolah-olah dibuat pada setiap tarikh tersebut dan bahawa tiada Kejadian Keingkaran dan tiada kejadian yang mana melalui pemberian notis atau dengan berlalunya tempoh waktu akan menyebabkan Kejadian Keingkaran telah berlaku.

## 8. KEJADIAN KEINGKARAN

Kejadian keingkaran yang lazim termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) Pelanggan gagal untuk membuat bayaran Harga Jualan Murabahah dan/atau sebarang jumlah lain apabila tertunggak dan perlu dibayar;
- (b) Pelanggan gagal untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana obligasinya (selain obligasi bayaran) di bawah Dokumen Transaksi dan kegagalan tersebut, jika boleh diperbaiki, tidak diperbaiki dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas notis mengenai kegagalan tersebut diberikan oleh Pembiaya kepada Pelanggan; atau
- (c) Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak waras atau hilang upaya kekal; atau
- (d) Pembentangan petisyen kebankrapan terhadap Pelanggan; atau

- (e) Adalah atau akan menjadi tidak sah di sisi undang-undang bagi Pelanggan untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana obligasinya di bawah Dokumen Transaksi; atau
- (f) Pelanggan menafikan mana-mana Dokumen Transaksi dan/atau sebarang perjanjian yang diperlukan untuk pelaksanaan Kemudahan; atau
- (g) Pelanggan gagal untuk mematuhi mana-mana waad, akujanji, peruntukan atau syarat dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini atau mana-mana Dokumen Transaksi atau sebarang perjanjian yang berkaitan dengan akaun atau kemudahan kredit lain; atau
- (h) Mana-mana representasi atau waranti atau kenyataan yang dibuat oleh Pelanggan dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan/atau Dokumen Transaksi terbukti tidak betul atau mengelirukan dalam perkara yang dianggap oleh Pembiaya sebagai material pada tarikh ia dibuat atau dianggap telah dibuat; atau
- (i) Mana-mana kejadian atau rangkaian kejadian lain, sama ada berkaitan atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan material yang menjelaskan aset atau keadaan kewangan Pelanggan, tindakan keganasan, keganasan, perrusuhan perang, darurat nasional, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa atau berlakunya sebarang epidemik/pandemik dalam apa jua keterangan atau bencana lain (sama ada berlaku dalam atau luar negara atau secara langsung melibatkan Malaysia atau mana-mana tempat lain di mana Pembiaya kini atau dari semasa ke semasa melaksanakan atau menjalankan perniagaan dan sama ada bersifat nasional atau antarabangsa atau sebaliknya) atau perubahan dalam apa jua keadaan sekalipun yang telah berlaku yang mana pada pendapat munasabah Pembiaya:
  - (i) akan atau mungkin menjadikannya tidak digalakkan atau tidak praktikal bagi Pembiaya untuk memberikan, mengekalkan atau membayai Kemudahan atau untuk terus melakukannya bagi membenarkan sebarang penggunaan atau penggunaan selanjutnya Kemudahan; atau
  - (ii) boleh atau mungkin mempengaruhi kemampuan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi atau memenuhi mana-mana obligasi di pihak Pelanggan yang berkaitan dengan Kemudahan.

## 9. AKIBAT DARIPADA KEJADIAN KEINGKARAN

Pembiaya, ejennya atau peguamnya boleh (tanpa menjelaskan mana-mana hak dan remedii lain di bawah Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan/atau Dokumen Transaksi lain) apabila atau pada bila-bila masa selepas berlakunya mana-mana Kejadian Keingkaran, mengisyitiharkan bahawa:

- (a) sebarang komitmen atau obligasi di pihak Pembiaya untuk menyediakan Kemudahan akan ditamatkan;
- (b) Kemudahan telah ditamatkan, di mana Pelanggan hendaklah dengan serta-merta terikat dan mematuhi perkara yang sama apabila dituntut dan sebarang baki tertunggak serta

semua wang lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah terma Dokumen Transaksi hendaklah dengan serta-merta menjadi tertunggak dan perlu dibayar apabila dituntut; dan

- (c) dengan serta-merta selepas itu, melaksanakan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Dokumen Transaksi mengikut terma di dalamnya untuk mendapatkan semula jumlah yang perlu dibayar di bawah Dokumen Transaksi.

**10. KOS DAN PERBELANJAAN**

- (a) Semua yuran guaman dan profesional, duti setem, cukai dan sebarang perbelanjaan lain yang ditanggung berkaitan dengan Kemudahan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- (b) Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pembiaya atau bagi pihak Pelanggan semasa menguatkuasakan mana-mana terma atau syarat atau dalam mendapatkan bayaran sebarang jumlah yang tertunggak dan perlu dibayar atau sebarang kos dan perbelanjaan berkaitan dengan takaful hendaklah menjadi tanggungan Pelanggan.

**11. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)**

- (a) Pembiaya boleh pada bila-bila masa, mendedahkan kepada mana-mana pihak yang mungkin, mengikut budi bicara mutlak Pembiaya, memerlukan maklumat tersebut atau akses kepada mana-mana dokumen atau rekod, atau maklumat berkaitan dengan Dokumen Transaksi dan/atau Kemudahan, perniagaan atau hal ehwal Pelanggan sama ada maklumat tersebut bersifat sulit atau tidak, dan sama ada pendedahan tersebut melanggar mana-mana undang-undang atau kewajipan terhadap Pelanggan, dengan syarat bahawa berkenaan dengan dokumen, rekod, atau maklumat yang telah dimaklumkan oleh Pelanggan kepada Pembiaya sebagai sulit, pihak yang menerima maklumat tersebut daripada Pembiaya boleh dikehendaki untuk berakuanji untuk mengekalkan kesulitan dokumen, rekod atau maklumat yang diterima, sama ada pada masa lalu, sekarang, atau akan datang.
- (b) Pelanggan secara jelas berwaad dengan Pembiaya bahawa sepanjang tempoh Kemudahan, ia akan memberikan dan memberi kebenaran kepada Pembiaya atau cawangannya, syarikat berkaitan, sekutu dan/atau ejen Pembiaya dan/atau pihak ketiga yang dipilih oleh mana-mana daripada mereka, di mana sahaja mereka berada, untuk memberikan maklumat mengenai Kemudahan (termasuk bagi tujuan pemprosesan data, analisis statistik dan risiko) kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Biro Kredit Pusat, Bank Negara Malaysia, juruauditnya, penasihat undang-undang dan penasihat profesional lain, kepada mana-mana individu yang memberi sebarang sekuriti di bawah Kemudahan tersebut;
  - (i) Menurut mana-mana sapina atau peruntukan undang-undang lain atau berkaitan dengan sebarang tindakan undang-undang, saman, atau prosiding yang berhubungan dengan Kemudahan atau sekuriti;
  - (ii) Menurut mana-mana undang-undang.

- (c) Pembiaya boleh mendedahkan kepada mana-mana pihak yang memperolehi atau mungkin memperolehi hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Dokumen Transaksi (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang serah hak atau penerima pindahmilik atau bakal pemegang serah hak atau penerima pindahmilik) maklumat mengenai Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan atau Dokumen Transaksi sebagaimana yang telah disediakan kepada Pembiaya secara umumnya.
- (d) Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di bawah Surat Kemudahan ini dianggap sebagai kebenaran yang diberikan bagi tujuan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dan bahawa tiada kebenaran lanjut daripada Pelanggan dan/atau pihak yang memberikan sekuriti diperlukan bagi tujuan PDPA.
- (e) Pelanggan memberi kuasa untuk memindahkan sebarang maklumat berkaitan dengan Pelanggan kepada dan di antara cawangan, syarikat berkaitan, sekutu atau ejen Pembiaya serta pihak ketiga yang dipilih oleh mana-mana daripada mereka, di mana sahaja mereka berada, untuk kegunaan sulit (termasuk bagi tujuan pemprosesan data, analisis statistik dan risiko) dan selanjutnya mengakui bahawa mana-mana cawangan, syarikat berkaitan, sekutu, ejen atau pihak ketiga tersebut berhak untuk memindahkan sebarang maklumat tersebut sebagaimana dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, mahkamah, proses undang-undang atau sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan atau agensi selaras dengan kewajipannya.
- (f) Pembiaya tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain atas pendedahan sedemikian selaras dengan klausa ini.

**12. PENYERAHHAKAN DAN PEMINDAHAN**

- (a) Pembiaya berhak pada bila-bila masa untuk menyerahhakan atau memindahkan semua hak, hak milik atau kepentingannya di bawah Kemudahan dengan memberi notis kepada Pelanggan.
- (b) Pelanggan tidak boleh menyerahhakan atau memindahkan mana-mana hak atau obligasinya di bawah Kemudahan tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pembiaya.

**13. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001**

Pelanggan dengan ini bersetuju, berwaad dan berakuanji bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:

- (a) terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada sebarang aktiviti haram;
- (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan, menggunakan, memindahkan dari atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada sebarang aktiviti haram; atau

- (c) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang perwujudan sifat sebenar, asal usul, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik ke atas, hak berkenaan dengan atau pemilikan terhadap, hasil daripada sebarang aktiviti haram; dan

Pelanggan mengesahkan kepada Pembiaya bahawa ia tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pengubahan wang haram dalam maksud di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

**14. PERUBAHAN ANSURAN BULANAN**

Pembiaya berhak untuk mengubah kadar keuntungan yang ditetapkan seperti yang dirujuk dalam Surat Kemudahan dengan syarat bahawa ia hendaklah tidak melebihi Harga Jualan Murabahah, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Perubahan tersebut hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis Pembiaya.

**15. PERUBAHAN TERMA**

- (a) Pembiaya boleh pada bila-bila masa selepas ini, atas permintaan Pelanggan, menukar dan/atau mengubah semua atau mana-mana bahagian daripada Kemudahan yang diberikan ini kepada kemudahan lain dan dalam keadaan demikian, liabiliti atau obligasi yang diwujudkan di sini hendaklah terus kekal sah dan mengikat bagi semua tujuan apa pun sehingga Harga Jualan Murabahah tanpa mengira penambahan atau perubahan tersebut dan tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang akan dimaklumkan oleh Pembiaya.
- (b) Tanpa mengira mana-mana peruntukan yang bertentangan, terma dan syarat Kemudahan dari semasa ke semasa boleh diubah oleh Pembiaya dan sekiranya perubahan tersebut adalah material, notis 21 hari secara bertulis akan diberikan kepada Pelanggan, DENGAN SYARAT bahawa pindaan atau perubahan tersebut adalah tertakluk kepada dan hendaklah mematuhi serta selaras dengan Shariah. Setelah itu, pindaan dan perubahan tersebut hendaklah dianggap telah dibuat dan akan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini pada waktu pelaksanaannya.

**16. KEPENYALAHAN UNDANG-UNDANG**

Jika disebabkan oleh sebarang perubahan dalam mana-mana undang-undang, atau keperluan pengawalseliaan yang terpakai atau dalam pentafsiran atau penggunaannya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa di mana ia akan menjadi menyalahi undang-undang bagi Pembiaya untuk mematuhi obligasinya di bawah ini, Pembiaya hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Pelanggan tentang keadaan yang berkaitan, di mana:

- (a) sebarang obligasi Pembiaya yang tertunggak hendaklah serta-merta ditamatkan dan dibatalkan; dan
- (b) Pelanggan hendaklah apabila dituntut mengembalikan kepada Pembiaya semua wang yang dijanjikan untuk dibayar oleh Pelanggan di bawah Dokumen Transaksi.

**17. KEINGKARAN BERSILANG**

Pembiaya berhak untuk meneruskan prosiding undang-undang terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak yang memberikan sekuriti atau untuk menarik balik Kemudahan dan semua wang lain yang perlu dibayar kepada Pembiaya di bawah Kemudahan atau menarik balik Kemudahan jika terdapat keingkaran dalam pembayaran mana-mana wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan di sini atau keingkaran oleh Pelanggan di bawah mana-mana akaun lain dengan Pembiaya atau mana-mana institusi kewangan atau jika terdapat keingkaran dalam pembayaran mana-mana wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang mana Pelanggan adalah penjamin.

**18. KEBOLEHASINGAN**

Mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji yang terkandung di sini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana bidang kuasa hendaklah, bagi bidang kuasa tersebut, menjadi tidak efektif setakat mana ianya menyalahi undang-undang, dilarang, atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan yang lain di sini. Mana-mana peruntukan yang menyalahi undang-undang, dilarang, atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana bidang kuasa tidak akan membatalkan atau menjadikan mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad atau akujanji yang menyalahi undang-undang, tidak sah, atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut di bawah mana-mana bidang kuasa yang lain.

**19. HAK UNTUK MEMBATALKAN SEBELUM DAN SELEPAS PENGETAHUAN**

Pembiaya mempunyai hak, mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa memberikan sebarang alasan, untuk membatalkan Kemudahan yang ditawarkan, pada bila-bila masa sebelum atau selepas pengeluaran, jika terdapat sebarang peninggalan yang material atau fakta yang tidak didekahkan atau yang dinyatakan dengan salah atau apabila terdapat sebarang perubahan lanjut dalam status Pelanggan yang mana pada pandangan Pembiaya, akan mempengaruhi penilaian kredit Pelanggan.

**20. HAK TOLAK SELESAI**

Tanpa menjelaskan sebarang remedи lain yang mungkin dimiliki oleh Pembiaya, sebaik sahaja berlakunya kejadian keingkaran, Pembiaya boleh, dengan memberi notis kepada Pelanggan, menolak selesai atau memindahkan sebarang jumlah yang tersedia dalam kredit mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak bagi atau untuk menyelesaikan Harga Jualan Murabahah dan sebarang wang lain yang terhutang kepada Pembiaya di bawah Kemudahan atau di bawah mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak lain atau sebaliknya.

**21. PENYAMPAIAN NOTIS DAN PROSES UNDANG-UNDANG**

- (a) Sebarang notis atau komunikasi boleh dibuat secara bertulis dan boleh disampaikan secara peribadi atau melalui pos kepada Pelanggan di alamat yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan. Bukti penghantaran atau penyampaian sebarang notis atau komunikasi kepada Pelanggan akan dianggap sebagai bukti penerimaan:
  - (i) jika dihantar melalui penghantaran peribadi, pada masa penghantaran tersebut; atau
  - (ii) jika dipos, selepas tamat tempoh tiga (3) hari selepas pengeposan; atau
- (b) Penyampaian sebarang proses undang-undang boleh diberikan melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar ke alamat masing-masing bagi penyampaian kepada pihak-

pihak di sini, dan proses undang-undang tersebut akan dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh pengeposan dan jika disampaikan secara serahan tangan pada hari ia disampaikan dan diakui dengan sewajarnya.

- (c) Tiada pertukaran alamat Pelanggan yang dinyatakan di sini, walau bagaimana sekalipun dibawa, akan berkuat kuasa atau mengikat Pembiaya melainkan jika notis sebenar mengenai pertukaran alamat tersebut telah diterima oleh Pembiaya.

**22. PROSIDING SECARA SERENTAK**

Tanpa mengira apa jua peruntukan yang dinyatakan di sini, adalah dengan ini secara nyata dipersetujui bahawa apabila terdapat keingkaran atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana terma, waad, ketetapan dan/atau akuanji yang diperuntukkan di bawah mana-mana Dokumen Transaksi dan di pihak Pelanggan untuk dipatuhi dan dilaksanakan, Pembiaya hendaklah mempunyai hak untuk melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang tersedia sama ada melalui Surat Kemudahan ini atau Dokumen Transaksi lain atau melalui statut atau sebaliknya dan berhak untuk melaksanakan remedi tersebut secara serentak termasuk meneruskan tindakan sivil untuk mendapatkan semula semua jumlah yang tertunggak dan terhutang kepada Pembiaya.

**23. UNDANG-UNDANG YANG BERKUASA/ BIDANG KUASA**

Termasuk Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini akur kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**24. PENAHANAN**

Semua bayaran oleh Pelanggan di bawah Surat Kemudahan ini hendaklah dibuat sepenuhnya tanpa sebarang potongan atau penahanan (sama ada berkaitan dengan tolak selesai, tuntutan balas, duti, cukai, caj, atau sebaliknya) melainkan jika potongan atau penahanan tersebut dikehendaki oleh undang-undang, di mana dalam keadaan tersebut, Pelanggan hendaklah:

- (a) memastikan bahawa potongan atau penahanan tidak melebihi jumlah minimum yang dikehendaki secara sah;
- (b) dengan segera membayar kepada Pembiaya jumlah tambahan yang diperlukan supaya jumlah bersih yang diterima oleh Pembiaya adalah bersamaan dengan jumlah penuh yang sepatutnya diterima sekiranya tiada potongan atau penahanan dibuat;
- (c) membayar kepada pihak berkuasa percukaian atau pihak berkuasa lain yang berkenaan dalam tempoh pembayaran yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, jumlah penuh potongan atau penahanan (termasuk, tetapi tanpa menjelaskan secara umum apa yang telah dinyatakan di atas, jumlah penuh mana-mana potongan atau penahanan daripada mana-mana jumlah tambahan yang dibayar mengikut Seksyen ini);
- (d) mengemukakan kepada Pembiaya, dalam tempoh pembayaran yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, sama ada:

- (i) resit rasmi daripada pihak berkuasa percukaian yang berkenaan berkaitan dengan semua jumlah yang telah dipotong atau ditahan seperti yang dinyatakan di atas; dan
- (ii) jika resit tersebut tidak dikeluarkan oleh pihak berkuasa percukaian yang berkenaan bagi pembayaran yang dibuat kepada mereka bagi jumlah yang dipotong atau ditahan, satu perakuan bagi potongan atau bukti setara bagi potongan atau penahanan yang berkaitan.

**25. SEMAKAN**

Tanpa mengira apa-apa peruntukan yang bertentangan, Kemudahan ini tertakluk kepada semakan berkala oleh Pembiaya pada bila-bila masa tanpa mengira sama ada Kejadian Keingkaran telah berlaku atau tidak, dan tiada apa-apa yang dinyatakan di sini akan dianggap untuk mewajibkan ke atas Pembiaya sama ada secara undang-undang atau secara ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan.

**26. PENGUBAHSUAIAN DAN KELONGGARAN**

Pembiaya boleh, tertakluk kepada pematuhan Shariah pada bila-bila masa tanpa menjelaskan hak-hak Pembiaya di sini:

- (a) menentukan, mengubah atau menambah sebarang pembiayaan, kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan dan boleh membuka dan/atau meneruskan mana-mana akaun atau akaun-akaun, semasa atau sebaliknya untuk Pelanggan di mana-mana cawangan Pembiaya; dan
- (b) memberikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain sebarang masa atau kelonggaran.

**27. BUKTI KETERHUTANGAN**

Dalam mana-mana prosiding yang berkaitan dengan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan Dokumen Transaksi lain, satu penyata mengenai sebarang amaun yang perlu dibayar kepada Pembiaya di bawah Kemudahan ini hendaklah, jika tiada kesilapan yang nyata, menjadi bukti muktamad bahawa amaun tersebut sememangnya adalah ter hutang dan perlu dibayar.

**28. TANGGUNG RUGI**

Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan membebaskan Pembiaya daripada sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, prosiding, permintaan, tindakan, penalti dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguam dan klien) yang mungkin dibawa pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak akibat daripada Pembiaya menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan berdasarkan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan prinsip Syariah.

**29. PELEPASAN, PENEPIAN DLL**

Tiada pelepasan, toleransi, kelonggaran, kegagalan atau kelewatan daripada pihak Pembiaya dalam melaksanakan atau kelalaian dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang diperolehi oleh Pembiaya di bawah Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan/atau Dokumen Transaksi lain disebabkan oleh sebarang

keingkaran daripada pihak Pelanggan akan merosakkan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi sedemikian atau dianggap sebagai penepian kepadanya atau persetujuan terhadap sebarang keingkaran.

**30. LIABILITI DAN OBLIGASI**

Liabiliti dan obligasi yang diwujudkan melalui Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini serta Dokumen Transaksi yang lain hendaklah berterusan menjadi sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira:

- (a) apa-apa masa atau kelonggaran yang mungkin diberikan oleh Pembiaya dari semasa ke semasa kepada Pelanggan untuk pembayaran wang yang perlu dibayar kepada Pembiaya atau untuk pematuhan atau pelaksanaan mana-mana terma, ketetapan, waad atau aku janji yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pelanggan di bawah terma Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan Dokumen Transaksi yang lain; dan
- (b) apa-apa pengaturan yang dimeterai atau apa-apa penyusunan yang diterima oleh Pembiaya yang mengubah hak dan remedinya di bawah Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini dan Dokumen Transaksi yang lain atau apa-apa perubahan dalam obligasi, terma, ketetapan, waad dan aku janji yang terkandung di sini atau di dalamnya atau melalui mana-mana toleransi sama ada berkaitan dengan pembayaran, masa, pelaksanaan atau sebaliknya.

**31. PEMBENTUKAN SEMULA PEMBIAYA**

Liabiliti dan kewajiban yang diwujudkan melalui Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i ini serta Dokumen Transaksi yang lain hendaklah berterusan menjadi sah dan mengikat untuk semua tujuan apa pun tanpa mengambil kira sebarang perubahan yang dibuat melalui penggabungan, pembentukan semula, atau sebaliknya, yang mungkin dibuat dalam perlembagaan Pembiaya.

**32. PENYELESAIAN**

Tanpa mengira apa-apa peruntukan yang bertentangan di sini, adalah dengan ini dipersetujui bahawa apabila berlaku penyelesaian melalui pembayaran atau cara lain bagi keterutangan dan mana-mana wang lain yang perlu dibayar di bawah Dokumen Transaksi, semua peruntukan yang terkandung di sini hendaklah tidak lagi berkuat kuasa tanpa menjelaskan hak dan remedi Pembiaya terhadap Pelanggan berkenaan dengan sebarang tuntutan terdahulu atau pelanggaran waad.

**33. MASA**

Masa di mana sahaja disebu hendaklah menjadi intipati/ asas.

**34. PERINGATAN**

- (a) Pembiaya hendaklah mempunyai hak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara mutlaknya untuk menghantar kepada Pelanggan satu peringatan mengenai sebarang ansuran yang perlu dibayar oleh Pelanggan ("Peringatan") dan Pelanggan boleh diberitahu mengenai setiap Peringatan melalui emel elektronik ("e-meI") dan/atau

telefon mudah alih (jika disokong oleh pengendali telefon Pelanggan) tertakluk kepada terma dan caj yang berkaitan bagi pengendali telefon tersebut.

- (b) Pelanggan menyedari sepenuhnya bahawa penerimaan setiap Peringatan oleh Pelanggan mungkin mengalami kelewatan atau dihalang oleh faktor-faktor yang mempengaruhi penyedia perkhidmatan yang berkaitan, pengendali telefon dan mana-mana entiti lain yang berkaitan. Pelanggan menerima bahawa Pembiaya tidak menjamin penghantaran atau ketepatan kandungan bagi setiap Peringatan dan tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada:
- (i) tiada penghantaran, kelewatan penghantaran atau penghantaran yang salah bagi setiap Peringatan; atau
  - (ii) ketidaktepatan kandungan bagi setiap Peringatan; atau
  - (iii) penggunaan atau kebergantungan Pelanggan terhadap kandungan mana-mana Peringatan untuk sebarang tujuan lain.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, maklumat berkaitan mana-mana Peringatan mungkin tertakluk kepada kelewatan dan/atau penangguhan tertentu. Ciri-ciri bagi mana-mana Peringatan boleh pada bila-bila masa diubah atau dihentikan oleh Pembiaya, dengan atau tanpa notis kepada Pelanggan dan mengikut budi bicara mutlaknya.

**35. PEMANTAUAN DAN RAKAMAN TELEFON**

Pelanggan memberi kuasa kepada Pembiaya untuk menghubungi Pelanggan melalui panggilan telefon berkaitan dengan Kemudahan. Bagi tujuan melakukan panggilan telefon, Pelanggan bersetuju bahawa Pembiaya boleh melakukan panggilan tersebut menggunakan panggilan automatik. Pembiaya mungkin, dari semasa ke semasa, memantau dan/atau merakam panggilan telefon antara Pelanggan dan Pembiaya. Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa pemantauan dan/atau rakaman mungkin dilakukan tanpa sebarang notis daripada Pembiaya kepada Pelanggan dan tiada persetujuan tambahan daripada Pelanggan diperlukan.

**36. FORCE MAJEURE**

Pembiaya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan dalam melaksanakan mana-mana obligasinya di sini atau sebarang tuntutan berkenaan dengan sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan kepada pendapatan, keuntungan, nama baik atau perniagaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau kesalahan lain jika kegagalan, kerugian, kerosakan atau kesalahan lain tersebut adalah disebabkan oleh keadaan yang berada di luar kawalan munasabah Pembiaya termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kerugian atau kerosakan akibat daripada kebakaran, letusan, kilat, ribut, banjir, gempa bumi, taufan, angin kencang, bencana alam, rusuhan, huru-hara, mogok, penutupan, perbuatan berniat jahat, epidemik, pandemik, kemalangan, musibah, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, dan/atau risiko/peristiwa/bencana alam lain.

**37. PEMATUHAN KEPADA PERINTAH MAHKAMAH**

Pelanggan bersetuju bahawa Pembiaya boleh bertindak dalam apa jua cara sepertimana yang dianggap sesuai oleh Pembiaya, tanpa berunding dengan Pelanggan terlebih dahulu, jika Pembiaya menerima suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah dari mana-mana bidang kuasa. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Pelanggan tidak akan

menganggap Pembiaya bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan tindakan Pembiaya tersebut.

38. **DUTI SETEM**

Adalah dengan ini dipersetujui dan diisyiharkan bahawa Dokumen Transaksi adalah instrumen yang digunakan dalam satu transaksi berkaitan dengan Kemudahan dan bagi tujuan Seksyen 4(3) Akta Setem, 1949, (Disatukan dan Disemak pada tahun 1989), Surat Kemudahan akan dianggap sebagai instrumen prinsipal dan Dokumen Transaksi yang lain akan dianggap sebagai instrumen subsidiari.

*[Baki halaman ini dibiarkan kosong secara sengaja]*

**LAMPIRAN 1**  
**(Format Kontrak Jualan Murabahah)**

**KONTRAK JUALAN MURABAHAH**

**PERJANJIANINI** dibuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Jadual 1 di sini

**ANTARA**

- (1) **KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD** (No. Pendaftaran Koperasi 3522) sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat, 53000 Kuala Lumpur ("Pembiusaya") bagi pihak pertama.

**DAN**

- (2) Pihak yang namanya, alamat berdaftar dan alamat perniagaan dinyatakan dalam Surat Kemudahan ("Pelanggan") bagi pihak kedua.

Pihak-pihak DENGANINI BERSETUJU DAN MENGISYIHARKAN seperti berikut:

**1. JUALAN KOMODITI**

Berdasarkan kepada Surat Kemudahan sepertimana yang diterangkan dalam Seksyen 3 Jadual 1 di sini, Pembiusaya dengan ini menjual dan Pelanggan dengan ini membeli Komoditi (butirannya seperti yang diterangkan dalam Seksyen 4 Jadual 1 di sini (Komoditi") pada Harga Jualan Murabahah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Jadual 1 di sini ("Harga Jualan Murabahah") yang merangkumi kos Komoditi sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Jadual 1 di sini dan margin keuntungan Pembiusaya secarabayaran tertangguh dan tertakluk kepada terma dan syarat dalam Surat Kemudahan.

**2. PEMINDAHAN PEMILIKAN**

- (a) Setelah penyempurnaan Kontrak Jualan Murabahah ini, liabiliti dan pemilikan benefisial Komoditi hendaklah dengan serta-merta berpindah kepada Pelanggan.
- (b) Pelanggan membeli Komoditi tanpa syarat dan tanpa pengecualian berdasarkan keadaan 'sebagaimana sedia ada', dan tidak akan mempunyai remedi terhadap Pembiusaya berkenaan dengan kualiti, keadaan, atau sebaliknya berkenaan dengan Komoditi tersebut.
- (c) Pemindahan pemilikan Komoditi hendaklah dibuktikan dengan sijil perakuan dan arahan penghantaran yang dikeluarkan oleh pedagang komoditi.
- (d) Pembiusaya hendaklah menyimpan sijil perakuan berkenaan yang berkaitan dengan Komoditi dalam jagaannya sebagai pemegang amanah untuk manfaat Pelanggan bagi tujuan penjualan susulan Komoditi kepada pedagang komoditi mengikut Pelantikan Agensi oleh Pelanggan. Pelanggan hendaklah mempunyai hak untuk memeriksa sijil perakuan tersebut

di premis Pembiaya atau meminta Pembiaya untuk menyediakan salinan sijil perakuan tersebut dengan pemberitahuan bertulis kepada Pembiaya.

### **3. BAYARAN HARGA JUALAN MURABAHAH**

Bayaran Harga Jualan Murabahah oleh Pelanggan kepada Pembiaya adalah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7 Jadual 1 di sini pada masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan.

### **4. TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan dan Dokumen Transaksi lain hendaklah mengikat Pelanggan dan Pembiaya.

### **5. PENYETEMAN**

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Perjanjian ini adalah suatu instrumen yang digunakan dalam satu transaksi untuk menjamin bayaran Harga Jualan Murabahah dalam maksud Seksyen 4 (3) Akta Setem 1949 dan bagi tujuan klausa tersebut, Perjanjian ini dianggap sebagai instrumen subsidiari. Menurut Perenggan 6 Pengecualian Umum Jadual Pertama Akta Setem 1949 di mana Perjanjian ini adalah instrumen tambahan yang sangat diperlukan untuk tujuan pematuhan dengan prinsip-prinsip Shariah, Perjanjian ini dikecualikan daripada duti setem.

**DALAM MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI** Pihak-pihak telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang dinyatakan di atas.

#### **Pembiaya**

Ditandatangani oleh )  
  )  
Untuk dan bagi pihak )  
**KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD** )  
(No. Pendaftaran Koperasi 3522) )  
di hadapan: - )

#### **Pelanggan (melalui ejennya)**

Ditandatangani oleh )  
  )  
Untuk dan bagi pihak )  
**KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD** )  
(No. Pendaftaran Koperasi 3522) )  
di hadapan: - )

**Jadual 1**  
**(Kontrak Jualan Murabahah)**

Seksyen	Item	Butiran
1	Tarikh Kontrak Jualan Murabahah	<DD MMM YYYY>
2	Nama Pelanggan & Alamat	<NAMA PELANGGAN> <ALAMAT 1> <ALAMAT 2> <ALAMAT 3> <ALAMAT 4>
3	Tarikh Surat Kemudahan	<DD MMM YYYY>
4	Butiran Komoditi	Komoditi seperti yang dinyatakan dalam Sijil No. [CPO12AUG2024-0009616-000] bagi Komoditi tersebut.
5	Harga Jualan Murabahah	RM <XXX,XXX.00>
6	Kos Komoditi	RM <XXX,XXX.00>
7	Bayaran Harga Jualan Murabahah	